



RAMAI peniaga warga asing termasuk Rohingya masih berniaga di kaki lima dalam tinjauan di Pasar Borong Selayang. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

Kuala Lumpur: Tidak serik dan tetap meneruskan perniagaan walaupun sudah digempur pihak berkuasa di

sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur.

Itu situasi selepas tinjauan dijalankan berdekatan Pasar

Borong Kuala Lumpur yang mendapati kumpulan warga asing terus menjadikan lokasi itu sebagai lubuk rezeki

Peniaga asing tak serik walaupun digempur DBKL

mereka menjalankan perniagaan haram.

Walaupun Rabu lalu, pihak penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyerbu dan menyita barangan perniagaan namun ternyata mereka tidak serik berniaga di sekitar kaki lima bangunan kedai menjadi tumpuan pembeli.

Kelibat peniaga warga asing yang menjual sayur-sayuran, buah-buahan dan barang basah lebih ramai ketika hujung minggu dari awal pagi.

Di deretan bangunan kedai dua tingkat berdekatan Pasar Borong Kuala Lumpur pula seolah-olah menjadi 'perkampungan' mereka dengan ada antaranya membuka restoran selain turut menjual daging sembelihan

secara terbuka hanya di kaki lima bangunan kedai.

Malah turut menarik perhatian ketika tinjauan dilakukan apabila sebuah van sekolah berwarna kuning di parkir di tepi jalan di mana menjadi tumpuan pembeli mencari ayam hidup.

Van itu dibuang kerusi di dalam dan ditempatkan ayam hidup untuk dijual di kawasan terbabit.

Ikan, sotong, udang dan makanan laut lain hanya diletakkan dalam besen di tepi kaki lima rumah kedai di situ selain ada menjual sireh.

Seorang peniaga warga Rohingya ditemui berkata, dia tiada pilihan kerana tetap perlu bekerja dan menjual sayuran bagi menampung kehidupan.

"Saya tetap perlu bekerja

kerana tidak dapat bekerja lain dan hanya ini sumber pendapatan meneruskan hidup.

"Saya tahu salah, tetapi jika tidak berniaga saya hendak makan apa," katanya.

Terdahulu Harian Metro sebelum ini melaporkan beberapa lokasi kumpulan peniaga warga asing diserbu DBKL pada awal pagi Rabu.

DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaannya melakukan serbuan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) terhadap aktiviti perniagaan kumpulan peniaga terbabit.

Serbuan dua agensi itu dilakukan di sekitar Jalan Selayang Baru, Pasar Harian Selayang dan sekitar luar kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur.

27/2/2023

m/s 24 HM